

03 FEB 1999

RAMON-CUKAI KELUAR

PEKONGSIAN BIJAK HARUS DIGUNAKAN BAGI STRUKTUR CUKAI KELUAR

Oleh: Muammar Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Konsep perkongsian bijak yang diilhamkan di negara ini boleh digunakan dalam merangka struktur bagi cukai keluar yang memberi faedah kepada pelabur-pelabur ekuiti Malaysia dan asing, kata seorang pegawai korporat terkemuka.

Tan Sri Ramon Navaratanam, penasihat korporat Kumpulan Syarikat Sungeiway, berkata ini tidak seharusnya menyulitkan pelabur-pelabur asing.

Ia seharusnya dapat menggalakkan rakyat asing menyimpan wang mereka di Malaysia atau membolehkan mereka membawa keluar wang secara beransur-ansur, katanya semasa mengulas tentang cukai keluar yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Isnin lalu bahawa kerajaan akan membuat keputusan dalam beberapa minggu lagi sama ada akan mengenakan cukai keluar dan langkah-langkah lain berhubung dengan penghantaran pulang dana ekuiti asing.

Navaratnam berkata persoalan yang harus ditangani oleh pihak berkuasa ketika merangka cukai keluar ini ialah bagaimana kedua-dua pihak boleh membahagikan wang mereka dengan baik, iaitu antara mengekalkan wang mereka di sini dan membawanya keluar.

Bagi memastikan ia diterima, kata Navaratnam "pihak berkuasa haruslah berunding dengan pelabur-pelabur asing untuk merangka rumusan dengan teliti agar cukai keluar ini memberi faedah kepada kedua-dua pihak dan tidak menyulitkan pelabur-pelabur asing."

Dengan mewujudkan satu struktur cukai yang menawarkan kadar pulangan yang berpatutan kepada pelabur asing, ia diharapkan dapat menggalakkan pelabur asing mengekalkan wang mereka di sini.

Selain cukai keluar, kata Ramon pihak berkuasa harus juga mengenal pasti spekulator jangka pendek yang akan menggalakkan pelabur-pelabur jangka panjang tulen mengekalkan wang mereka di sini.

Ketika ini, kata Navaratnam, pihak berkuasa seharusnya telah mengenali antara pelabur-pelabur tulen dan pelabur-pelabur jangka panjang (yang melabur di pasaran selama setahun hingga dua tahun), dan spekulator jangka pendek, yang terdiri daripada mereka yang keluar dari pasaran secepat kilat.

Navaratnam berkata kerajaan boleh membenarkan pelabur-pelabur tulen dan spekulator jangka panjang membawa keluar wang mereka, tetapi spekulator jangka pendek harus dikenal pasti dan diambil tindakan.

Bagaimanapun, "pasaran masih memerlukan sedikit spekulasi untuk terus sihat dan hidup, tetapi spekulasi jangka pendek akan merosakkan pasaran, itulah sebabnya jenis pelabur yang merosakkan ini tidak boleh dibiarkan," katanya.

Ditanya sama ada lebih baik mengenakan cukai keluar ke atas modal yang dibawa masih atau keuntungan modal yang diperolehi, beliau berkata adalah lebih baik mengenakan cukai ke atas keuntungan modal kerana ini akan menggalakkan pelabur-pelabur asing mengekalkan wang mereka di sini.

Adalah dianggarkan bahawa 23 peratus atau RM69 bilion permodalan Bursa Saham Kuala Lumpur berjumlah RM300 bilion ketika indeks komposit berada pada 600 mata dipegang oleh pelabur asing.

Dr Mahathir telah menyatakan bahawa meskipun wang yang dibawa masuk oleh pelabur asing berkurangan, tetapi sejak pasaran saham meningkat, pegangan mereka semakin bertambah sekarang.

Namun begitu, beberapa pelabur dalam pasaran saham bimbang bahawa

rakyat asing akan mula menjual saham mereka sebaik sahaja cukai keluar diumumkan oleh kerajaan.

Walaupun demikian, Dr Mahathir berkata baru-baru ini bahawa senario begitu tidak mungkin berlaku kerana pelabur-pelabur telah meraih banyak keuntungan di sini dan ramai yang mahu masuk, bukan keluar. --BERNAMA

MK KY OS